



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2017/05/34 (HQ)

### TIADA KESAN MINYAK LAGI DI HILIR SJ BERSIA

Pihak Stesen Janaelektrik Sultan Azlan Shah, Bersia (SJ Bersia), Gerik, Perak telah membersihkan sepenuhnya kesan minyak daripada kebocoran salah satu unit generator di stesen tersebut.

“Kesan minyak (traces of thin oil film) telah dipastikan hanya terdapat dalam lingkungan 3 km dari SJ Bersia. Walaupun telah dibersihkan, aktiviti pemantauan masih terus dilaksanakan oleh pihak Stesen,” kata Pengurus Besar Stesen-stesen Janaelektrik Sungai Perak, Bahagian Penjanaan TNB, Mazlan Mohd Som.

Menurutnya kerja-kerja mengawal dan membersihkan kebocoran minyak mengikut prosedur Pelan Tindakan Kecemasan syarikat dilaksanakan sebaik kebocoran berkenaan dikesan.

Ini melibatkan pemberhentian operasi unit generator tersebut untuk kerja-kerja membaik pulih bahagian yang terjejas serta tindakan mengatasi kebocoran tersebut di kawasan sungai menggunakan perangkap minyak (oil absorbent boom) dan bahan larut minyak (oil dispersant).

“Kerosakan yang berlaku pada unit tersebut juga telah dibaiki sepenuhnya dan setakat ini tiada kesan minyak lagi di hilir SJ Bersia,” kata Mazlan.

Pihak Jabatan Alam Sekitar dan agensi-agensi negeri yang berkaitan seperti Polis Daerah Gerik, Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) Perak, Lembaga Air Perak (LAP) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Perak juga telah dimaklumkan.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 2.30 petang, 18 Mei 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*